

# PAKAIAN TRADISIONAL MALAYSIA

Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Pakaian tradisional dipakai sewaktu perayaan atau ketika menghadiri majlis-majlis rasmi. Setiap kaum mempunyai pakaian tradisional yang tersendiri.

Melayu

Baju Melayu, Baju Kurung

Cina

Cheongsam, samfoo

India


Sari, punjabi, kurta, dhoti

Lain-lain

Kain sirat, bidang, kalambi, bedong

# BAJU MELAYU DAN BAJU KURUNG

- Baju melayu dipakai oleh lelaki Melayu, manakala baju kurung dipakai oleh wanita
- Menjadi pakaian rasmi untuk negara Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.
- Sesuai dipakai oleh semua golongan masyarakat tidak mengira usia.
- Digunakan untuk menghadiri majlis perkahwinan, majlis agama, dan majlis rasmi.
- Baju melayu dipadankan dengan kain samping dan songkok, manakala baju kurung sesuai digandingkan dengan kain selendang atau tudung kepala.



# CHEONGSAM + SAMFOO

## Cheongsam

- dipakai oleh wanita berketurunan Cina
- digayakan pada hari tahun baharu Cina dengan warna yang cantik dan menarik, iaitu merah yang melambangkan tuah
- turut dipakai ketika majlis perkahwinan
- Lazimnya diperbuat daripada sutera, satin dan jenis-jenis kain lembut.
- sangat cantik dan anggun digayakan oleh individu yang langsing dan tinggi.



## Samfoo

- terdiri daripada baju yang longgar dan terbelah di depan dan berkolar tinggi serta dipakai bersama seluar longgar
- dipakai oleh lelaki berketurunan Cina
- mempunyai sedikit perbezaan dengan samfoo yang dipakai oleh wanita Cina
- diperbuat daripada kain lembut seperti kain sutera



# SARI, PUNJABI, KURTA

## Sari

- merupakan pakaian tradisional masyarakat India bagi golongan wanita.
- Sebidang kain berukuran 5 hingga 6 elai panjang
- Kain sari dililit pada badan dengan bahagian hujungnya yang bersulam diletak di atas bahu kiri.
- Sari diperbuat daripada pelbagai jenis, corak dan warna kain

## Baju Punjabi

- terdiri daripada blaus panjang
- dipadankan dengan seluar panjang yang longgar dan tudung kepala

## Kurta

- merupakan pakaian tradisional bagi lelaki kaum india.
- Kemeja panjang yang sampai ke lutut yang
- diperbuat daripada kain kapas atau lime dan sutera.
- dipakai bersama-sama seluar yang longgar

## Dhoti

- sejenis kain berbentuk segi empat panjang yang dianggarkan sepanjang 5 meter yang dililit di sekitar pinggang dan kaki.



# PAKAIAN TRADISIONAL SARAWAK (KAUM IBAN)

## Kain Sirat atau kain cawat

- pakaian asas kaum Iban
- Bahagian hujung kain ini dihiasi dengan sulaman atau tenunan yang indah
- dipakai dengan cara melilitnya dipinggang dan celah kangkang

Dangdong - maerupakan kain selendang yang dipakai oleh lelaki Iban.

## Bidang

- kain sarung yang dipakai oleh wanita Iban
- Kain sarung ini sempit dan panjangnya cuma lebih kurang separas lutut
- digunakan sebagai pakaian harian dan ketika upacara tertentu atau sambutan perayaan

## Kalambi

- Baju Kaum Iban
- terdiri daripada kalambi berlengan dan kalambi tanpa lengan
- dipakai oleh lelaki dan wanita Iban ketika upacara tertentu sahaja.
- ditenun dengan segala macam motif yang indah

## Bedong

- kain selendang yang panjang dan sempit
- dihiasi oleh reka corak tenunan yang sangat halus
- dipakai di bahu sebagai selendang atau diselempangkan di badan



# PAKAIAN TRADISIONAL SABAH

## Kaum Bajau

- Wanita - menggayakan blaus badu sampit dan kain sarung olos berangkit, perhiasan leher mandapun dan perhiasan kepala sarempak.
- Lelaki - menggayakan baju potongan Cekak Musang, seluar, samping dan destar

## Kaum Kadazan

### -Lelaki

- memakai baju gaung, seluar souva, bengkung toogot dan siga (pakaian kepala)
- memakai pakaian kepala sigal dari kain destar (suku kaum Kadazan daerah Papar)

### -Wanita

- memakai baju pendek sinuangga, kain labuh tetapi dan selendang batik dilengkapi tali pinggang himpogot
- suku kaum Kadazan daerah Papar: Baju fabrik baldu hitam berhias renda kuning keemasan dan memakai siung dari anyaman buluh halus bermotifkan geometrik etnik Sabah

-Perhiasan diri gelang tangan dan tali pinggang syiling perak.